

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan metodologi yang digunakan dalam kajian ini yang bertujuan meninjau penilaian guru terhadap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di salah sebuah sekolah menengah di daerah Petaling.

3.2 Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah soal-selidik. Soal-selidik digunakan untuk meninjau penilaian para guru terhadap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah yang dikaji. Guru merupakan sampel dalam kajian ini. Penilaian mereka adalah penting dalam meninjau dan membaiki perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah.

3.3 Populasi Kajian

Populasi kajian ini adalah sebanyak 142 orang. Populasi kajian adalah terdiri daripada guru lelaki dan perempuan yang berusia di antara 23 hingga 54 tahun. Mereka terdiri daripada 63 orang guru Melayu, 49 orang kaum Cina, 28 orang kaum India, dan lain-lain sebanyak dua orang. Seramai 11 orang guru terdiri daripada gred DG 2

(siswazah), 113 orang DG 3 (siswazah), 17 orang guru bukan siswazah pada gred DG 6 dan seorang guru pada gred DG 5.

3.4 Sampel Kajian

Jadual 1: Latar Belakang Sampel Kajian

	Peratus (%)	Jumlah
a. Jantina		
i.Lelaki	14.0	16
ii.Perempuan	86.0	98
b. Kaum		
i.Melayu	47.4	54
ii.Cina	33.3	38
iii.India	17.5	20
iv.Lain-Lain	1.8	2
c. Gred		
i.Siswazah	87.7	100
ii.Bukan siswazah	12.3	14
d. Pengalaman		
i.1-10 tahun	60.5	69
ii.11-20 tahun	31.6	36
iii.21-35 tahun	7.9	9

Jadual 1 menunjukkan latar belakang sampel kajian. Jumlah sampel kajian adalah sebanyak 114 orang. 14% responden terdiri daripada guru lelaki dan 86% terdiri daripada guru perempuan. Sebanyak 47.4% terdiri daripada kaum Melayu, 33.3% kaum Cina, 17.5% kaum India dan 1.8% lain-lain. Manakala 87.7% responden merupakan guru siswazah dan 12.3% merupakan guru bukan siswazah. 60.5% responden bertugas sebagai guru selama 1 hingga 10 tahun. Bagi 31.6% responden pula, mereka telah mengajar selama 11 hingga 20 tahun. Sebanyak 7.9% responden telah mengajar selama 21 hingga 35 tahun.

3.5 Latar Belakang Sekolah Yang Dikaji

Kajian ini dijalankan di salah sebuah sekolah menengah gred A di daerah Petaling. Sekolah ini mempunyai 2578 orang pelajar dari tingkatan 1 hingga 6. Pelajar-pelajar Melayu terdiri daripada 635 orang, pelajar Cina seramai 1462 orang, pelajar India seramai 464 orang dan lain-lain sebanyak 17 orang. Keputusan Penilaian Menengah Rendah pada tahun 1998 ialah 74.84 %. 12 orang pelajar memperolehi keputusan 8A dan 79 orang memperolehi 7A. Peratus lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 1998 ialah 66.2 %. Keputusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia mencatatkan peratus lulus sebanyak 99.2 % pada tahun 1998. Seramai 2 orang calon memperolehi keputusan 5A dan 3 orang pula memperolehi keputusan 4A.

Sekolah ini mempunyai seorang kaunselor sepenuh masa. Beliau mula mengajar pada tahun 1988 di sebuah sekolah rendah di Mersing. Beliau mengikuti kursus selama 3 bulan dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak pada tahun 1991. Di antara tahun 1993 hingga 1995, beliau bertugas sebagai pensyarah di Maktab Perguruan Kuala Terengganu. Beliau mengajar kursus pendidikan pra-sekolah di maktab tersebut. Beliau seterusnya mengikuti kursus pendidikan kanak-kanak di New Zealand selama 3 bulan pada tahun 1995. Pada tahun 1996, beliau melanjutkan pelajaran di Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam bidang bimbingan dan kaunseling selama 3 tahun. Selepas menamatkan pengajiannya di UPM, beliau ditempatkan di sekolah ini mulai Mei 1999 sebagai kaunselor sepenuh masa.

3.6 Instrumen Penyelidikan

Soal-selidik ini mengandungi arahan dan maklumat asas responden. Soal-selidik juga terdiri daripada 16 item yang meliputi aspek-aspek yang berkaitan dengan pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Item nombor 1 hingga 4 adalah merupakan penilaian para guru terhadap aspek fizikal perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

Item nombor 5 hingga 8 mengkaji penilaian para guru terhadap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dalam menghadapi masalah peribadi pelajar.

Item nombor 9 hingga 12 mengkaji penilaian para guru terhadap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dalam membantu pelajar yang menghadapi masalah akademik. Item nombor 13 hingga 16 pula meninjau penilaian para guru terhadap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dalam membantu pelajar dalam bidang kerjaya. Item nombor 17 hingga 28 mengkaji penilaian para guru terhadap keperibadian kaunselor di sekolah yang dikaji.

Item nombor 29 mengkaji penilaian para guru terhadap pelaksanaan aktiviti bimbingan dan kaunseling. Bagi item nombor 1 hingga 28, para responden diminta menjawab soal-selidik mengikut skala amat setuju, setuju, tidak setuju dan amat tidak setuju. Bagi item nombor 29 pula, para responden diminta menjawab soal-selidik mengikut skala amat memuaskan, memuaskan, kurang memuaskan, dan tidak memuaskan.

Item nombor 30 merupakan soalan terbuka yang meminta para guru mengemukakan rintangan yang dihadapi apabila berurusan dengan kaunselor di sekolah. Item nombor 31 yang juga merupakan soalan terbuka meminta para guru mengemukakan cadangan bagi memperbaiki pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah yang dikaji.

3.7 Kajian Rintis

Kajian rintis ini melibatkan sepuluh orang guru. Para responden dibenarkan bertanya kepada penyelidik jika item yang digunakan dalam soal-selidik tersebut tidak jelas. Penyelidik mencatatkan segala pertanyaan yang diajukan oleh responden agar dapat membuat perubahan pada item soal-selidik selepas kajian rintis ini selesai. Para responden juga diminta memberi pandangan mereka di ruangan yang disediakan tentang reka bentuk item soal-selidik.

Selepas responden selesai menjawab soal-selidik dalam tempoh 3 hari, soal-selidik dikembalikan kepada penyelidik. Penyelidik membaiki segala kesilapan dan mengemaskini item-item dalam soal-selidik ini. Ini adalah untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan soal-selidik yang telah dibentuk.

Setelah selesai kajian rintis dijalankan, terdapat beberapa perubahan yang telah dibuat pada item soal-selidik. Item nombor 2 diubahsuai daripada “ terdapat bahan-bahan untuk rujukan para pelajar ” kepada “ terdapat bahan-bahan *tentang bimbingan dan kaunseling* untuk rujukan para pelajar .

Manakala item soal-selidik nombor 3 diubahsuai supaya lebih jelas dan tepat. Item nombor 3 diubahsuai daripada “terdapat bahan-bahan untuk rujukan para guru” kepada “*terdapat bahan-bahan tentang bimbingan dan kaunseling* untuk rujukan para guru”.

Bagi item nombor 7, perubahan telah dibuat pada struktur ayat iaitu daripada “perkhidmatan ini berbincang dengan ibu bapa tentang masalah pelajar” kepada “perkhidmatan ini *membolehkan ibu bapa* berbincang dengan kaunselor tentang masalah pelajar”.

Perkataan “mencukupi” digantikan dengan “berkesan” pada item nombor 13 iaitu daripada “perkhidmatan ini menyebarkan maklumat kerjaya kepada pelajar dengan *mencukupi*” kepada “perkhidmatan ini menyebarkan maklumat kerjaya kepada pelajar dengan *berkesan*”.

Responden berpendapat item nombor 17 bersifat subjektif dan perlu diubahsuai. Oleh itu item nombor 17 diubahsuai daripada “kaunselor adalah seorang yang mesra” kepada “kaunselor adalah seorang yang mesra *kepada para guru dan pelajar*”.

3.8 Pentadbiran Soal-Selidik

Urusan kebenaran daripada pengetua sekolah telah dilakukan oleh penyelidik sebelum kajian dijalankan. Surat kebenaran dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia ditunjukkan kepada pengetua.

Setiap orang guru ditemui oleh penyelidik dan diminta oleh penyelidik untuk menjawab borang soal-selidik dengan seberapa ikhlas yang boleh. Para responden diberi

menunjukkan perbezaan signifikan sekiranya nilai yang diperolehi tidak melebihi aras signifikan .05. Jika nilai yang diperolehi melebihi aras signifikan .05, maka Ujian *t* ditafsirkan sebagai tidak menunjukkan perbezaan signifikan.

Dengan hasil kajian ini, penyelidik dapat meninjau penilaian para guru terhadap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah yang dikaji. Penyelidik dapat menilai dan mengemukakan cadangan untuk membaiki perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah yang dikaji.